



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tengku Anis
Cawangan Kelantan
Kampus Machang

PAMERAN MAYA

Hari Raya Aidiladha



Perpustakaan Tengku Anis

UiTM *di hatiku*

Apa itu Aidiladha?

- Aidiladha atau dikenali sebagai Hari Raya Haji atau Hari Raya Korban merupakan salah satu perayaan terbesar umat Islam selain Aidilfitri atau Hari Raya Puasa.
- Perayaan ini jatuh pada 10 Zulhijjah mengikut kalendar Hijrah.
- Hari Raya Aidiladha merupakan perayaan penutup ibadah Haji di Mekah dan rukun Islam kelima.
- Perayaan ini mengingatkan pengorbanan agung Nabi Ibrahim yang patuh pada perintah Allah SWT.

Peristiwa Aidiladha



Aidiladha merupakan peristiwa besar apabila Allah memerintahkan Nabi Ibrahim mengorbankan anaknya Nabi Ismail sebagai satu perintah di dalam mimpinya. Syaitan telah cuba menggoda Nabi Ibrahim dengan cuba menghasutnya agar tidak mendengar perintah Allah. Namun Nabi Ismail mengatakan kepada ayahnya, jika itu perintah Allah, lakukanlah.

Ketika Nabi Ibrahim hampir mengorbankan anaknya, lalu Allah gantikan ia dengan seekor biri-biri untuk dikorbankan. Dengan memuji kebesaran Allah S.W.T kedua-duanya pun berpeluk sambil bersyukur kepada Tuhan kerana memberi kekuatan untuk melaksanakan amanat yang diperintahkan oleh Allah S.W.T. Rentetan dari peristiwa ini, setiap tahun ketika perayaan Aidiladha maka umat Islam menyembelih binatang-binatang korban lalu mengagihkan kepada golongan yang kurang bernasib baik

Perayaan Aidiladha

- Aidiladha merupakan cuti umum di negara-negara majoriti Islam termasuk Malaysia.
- Tarikh penetapan Hari Raya Aidiladha bergantung pada penetapan 1 Zulhijah dengan Aidiladha jatuh pada hari ke 10 bulan terakhir dalam kalendar Islam, Zulhijah.
- Bagi mereka yang tidak mengerjakan haji, disunatkan berpuasa pada Hari Arafah iaitu pada 9 Zulhijah.



Perayaan Aidiladha

- Bagi Muslim yang tidak mengerjakan ibadah haji, disunatkan untuk berkorban dengan menyembelih seekor kambing ataubiri-biri atau berkongsi 7 bahagian lembu atau unta sebagai memperingati peristiwa pengorbanan agung Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail.
- Daging dari haiwan yang dikorbankan termasuk lembu, kambing, bebiri atau untadiagih-agihkan kepada 3 bahagian; 1/3 kepada peserta Korban, 1/3 kepada petugas Korban dan 1/3 kepada golongan miskin.

Perayaan Aidiladha

- Ibadah korban dilakukan bermula selepas solat sunat Hari Raya pada 10 Zulhijjah sehingga dan Hari Tasyrik; 11,12 dan 13 Zulhijjah.
- Selain ibadah korban bagi yang mampu melakukannya, umat Islam meraikan Aidiladha dengan berpakaian baharu, menjamu selera dan menziarahi keluarga sanaksaudara dan rakan-rakan.



PERBEZAAN HARI RAYA AIDILADHA & HARI RAYA AIDILFITRI

HARI RAYA AIDILADHA

1. Hari Raya ini disambut selama empat hari iaitu pada 10, 11, 12 dan 13 Zulhijjah
2. Nama lain bagi hari raya ini ialah Hari Raya Haji
3. Diraikan bagi memperingati peristiwa pengorbanan Nabi Allah Ibrahim
4. Solat sunat Aidiladha kebiasaannya diawalkan waktunya bagi memberi lebih banyak masa kepada umat Islam untuk melaksanakan penyembelihan korban

HARI RAYA AIDILFITRI

1. Hari raya ini disambut pada 1 Syawal tahun Hijrah.
2. Nama lain bagi hari raya ini ialah Hari Raya Puasa, Hari Raya Fitrah atau Hari Lebaran.
3. Diraikan setelah umat Islam berjaya menjalani ibadah berpuasa selama sebulan pada bulan Ramadhan.
4. Solat sunat Aidilfitri kebiasaannya dilewatkan sedikit bagi memberi ruang kepada mereka yang belum menunaikan zakat fitrah

RUJUKAN

**AIDILADHA, KISAH PENGORBANAN SEBENAR. (N.D.).
RETRIEVED JULY 4, 2022, FROM
[HTTPS://WWW.UMT.EDU.MY/INDEX.PHP?
GO=HIGHLIGHT&ID=105](https://www.umat.edu.my/index.php?go=highlight&id=105)**

**PERISTIWA AIDILADHA - SUNAN. (N.D.). RETRIEVED JULY 3,
2022, FROM
[HTTP://SUNANOFFICIAL.WEEBLY.COM/PERISTIWA-
AIDILADHA.HTML](http://sunanofficial.weebly.com/peristiwa-aidiladha.html)**